

Buletin

e-ISSN: 2600-8289

Ramadhan - Syawal 1444/ April 2023

ACIS



IDULFITRI:
Polemik antara
IBADAT atau
ADAT

Sunah-sunah Hari Raya 5

Puasa Enam: Puasa Selepas Ramadan 7

Kaifah pelaksanaan sembahyang Hari Raya Aidil Fitri menurut syarak 8

Sambutan Hari Raya ACIS, UHEI & Alumni Negeri Sembilan 10

eISSN 2600-8289



Puasa Enam: Puasa Selepas Ramadan



Oleh:

Nasif Sidquee Pauzi

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Berpuasa pada bulan Ramadan adalah ibadah yang penting bagi umat Islam. Ia termasuk dalam salah satu daripada rukun Islam yang lima. Kewajipan berpuasa Ramadan dilalui umat Islam dengan penuh keimanan mengharapkan ganjaran dan keampunan Allah SWT. Walau bagaimanapun terdapat puasa di bulan selain Ramadan yang dikenali sebagai puasa sunat. Salah satunya adalah berpuasa sebanyak enam hari pada bulan Syawal atau lebih dikenali dengan puasa enam.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *Sesiapa yang berpuasa Ramadan, kemudian diiringinya dengan puasa (sunat) enam hari dalam bulan Syawal, itu adalah menyamai seperti berpuasa selama setahun.*" (Hadith Riwayat Muslim). Terdapat hadith yang menghuraikan mengapa seseorang mendapat pahala setahun jika berpuasa enam hari pada bulan Syawal setelah genap berpuasa sebulan Ramadan. Hadith tersebut bermaksud:

digandakan dengan sepuluh (300) dan puasa enam hari selepas hari raya Aidilfitri, itu puasa sempurna selama setahun (360).

Hadith di atas menunjukkan bahawa dalam Islam, persoalan ibadah sentiasa diutamakan. Kesenambungan ibadah berpuasa selama sebulan Ramadan diteruskan dengan galakan Nabi SAW agar umat Islam tidak sekadar berhenti daripada melakukan ibadah wajib, tetapi sebaliknya baginda SAW menganjurkan kita meneruskan amalan berpuasa yang sudah menjadi rutin sebelum ini. Dalam kesibukan rakyat Malaysia bergembira menyambut hari raya dengan menghadiri undangan rumah terbuka, janganlah kita melepaskan peluang meraih pahala puasa setahun yang ditawarkan ini.

Menggabungkan Puasa Ganti Dengan Puasa Sunat Antara persoalan yang timbul apabila membicarakan persoalan puasa enam adalah keharusan menggabungkan puasa ganti (wajib) dengan puasa sunat enam. Dalam hal ini ulama berbeza pendapat menentukan hukum menggabungkan puasa ganti dengan puasa enam. Sebelum perbincangan hukum menggabungkan puasa dibincangkan, ulama terlebih dahulu membincangkan tentang keutamaan menggantikan puasa wajib berbanding puasa sunat. Syeikh Daud al-Fatani menyatakan bahawa sekiranya seseorang yang meninggalkan puasa Ramadan (wajib) disebabkan keuzuran yang dibenarkan syarak, maka harus baginya mendahulukan puasa enam kemudian baru menggantikan puasa wajib.

Namun sekiranya seseorang itu meninggalkan puasa tanpa uzur yang dibenarkan syarak, maka dia hendaklah terlebih dahulu menggantikan puasa wajib yang tertinggal.

Secara umumnya, menggabungkan puasa ganti dengan puasa sunat adalah diharuskan menurut sebahagian ulama. Penulis cenderung memilih pendapat ini bagi kemaslahatan seseorang yang sukar untuk menggantikan puasa wajib yang ditinggalkan pada jumlah hari yang banyak. Situasi ini banyak berlaku kepada golongan wanita yang kedatangan haid pada setiap bulan yang secara puratanya bilangan puasa wajib yang perlu diganti adalah sekitar tujuh hari atau lebih. Jika ditambah jumlah puasa ganti dengan puasa enam secara berasingan, maka jumlah hari yang perlu seseorang wanita berpuasa pada bulan Syawal adalah sekitar 13 hari atau lebih.

Justeru, pendapat yang mengharuskan penggabungan puasa ganti dengan puasa enam sedikit sebanyak membantu golongan seperti ini untuk bersemangat dalam melakukan ibadah puasa. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan kaedah terbaik dalam berpuasa pada bulan Syawal adalah dengan berpuasa secara berasingan. Laman web Mufti Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa secara muktamad, afdal seseorang itu menjadikan puasa ganti (qada) berasingan dengan puasa enam pada bulan Syawal. Namun begitu, menyatukan puasa ganti dengan puasa enam tetap diharuskan dan mendapat ganjaran pahala kedua-duanya mengikut pendapat yang daif.

Rujukan:

<https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3458-al-kafi-1275-bolehkah-niat-puasa-enam-dan-puasa-ganti-secara-serentak>

<https://myhadith.islam.gov.my/viewhadiths.php?id=996&type=mh>

Muhammad Musleh Azza'biy, & Muhammad Ikram bin Abu Hassan. (2021). PUASA ENAM SYAWAL, PERBAHASAN HADIS DAN FEKAH. *Journal of Islamic Contemporary Studies: JICS*, 1(1), 20-36. Retrieved from

<http://jics.my/index.php/jics/article/view/3>